

05/12/1997

Peniaga juga perlu berdisiplin

LANGKAWI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan peniaga supaya berdisiplin, mengekalkan barangan pada harga rendah dan mengelak kegiatan mengaut untung berlebihan bagi mengurangkan masalah ekonomi sekarang.

Perdana Menteri juga mengingatkan peniaga bahawa mereka juga `berhutang' kepada rakyat dalam menghadapi masalah berkenaan.

"Mereka ada hutang dengan masyarakat kerana masyarakatlah yang memungkinkan mereka mengaut wang yang sedang diperolehi sekarang.

"Sesetengah orang berpendapat inilah kesempatan untuk mendapatkan wang bagi diri mereka. Apa yang berlaku kepada negara tidak dipedulikan," katanya pada majlis tepung tawar kapal peranginan mv Superstar Express milik Star Cruises, sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97), di Jeti Star Cruises, Tanjung Malai di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, peniaga tidak harus lupa semua rakyat memberi sumbangan kepada kejayaan sektor perniagaan yang dicetuskan hasil daripada iklim politik dan pelaburan sihat negara.

"Jika berlaku pergolakan seperti demonstrasi oleh rakyat atau tanpa simpati kerajaan terhadap sektor perniagaan, mereka tidak memperolehi apa yang ada sekarang.

"Justeru, sudah tiba masanya bagi mereka membayar semula hutang kepada rakyat yang menghadapi masalah, seperti kemerosotan nilai mata wang," katanya.

Merujuk kepada kejayaan Star Cruise, Dr Mahathir berkata, bagi mengaut keuntungan, seorang ahli perniagaan perlu melabur sejumlah wang yang banyak.

Katanya, pandangan sesetengah pihak kononnya seseorang boleh membuat keuntungan besar dengan pelaburan yang sedikit adalah tidak benar.

Mengenai kapal jenis catamaran berharga RM150 juta yang memulakan pelayaran pertama antara Langkawi ke Pulau Pinang minggu lalu, Perdana Menteri berkata, ia menyediakan pilihan kepada pelancong menjimatkan perbelanjaan ke Langkawi dengan membawa kereta mereka.

Kapal yang boleh belayar selaju hingga 42 knot itu berupaya mengangkut penumpang dan 175 kenderaan akan mengembangkan perkhidmatan ke Phuket, Thailand pada masa depan.

Dr Mahathir juga memuji langkah syarikat pengendali kapal berkenaan mengurangkan caj sebanyak 50 peratus ketika musim cuti sekolah.

Perdana Menteri kemudian melancarkan percubaan kapal itu memecahkan rekod dunia bagi pelayaran terpantas mengelilingi dunia dari Pelabuhan Klang, Jun tahun depan.

Pelayaran yang akan membabitkan perhentian di 10 pelabuhan dalam tempoh 48 hari itu bagi memecahkan rekod 83 hari oleh kapal selam USS Triton, dari Amerika Syarikat.

Sebuah piala yang dikenali sebagai Trofi Perdana Menteri sempena nama Perdana Menteri lalu, sekarang dan pada masa depan ditawarkan sebagai hadiah kepada sesiapa saja yang memecahkan rekod berkenaan.

Dr Mahathir kemudian melawat pameran bahagian maritim Lima '97 dan meninjau bahagian dalam kapal selam yang mengambil bahagian, termasuk kapal selam Tentera Laut Turki, T C G Preveze.

(END)